Selagi Sukarno memerintah negara Indonesia akan hancur?

Perkara Irian Barat sedang bernyala di Indonesia. Sukarno dengan ditolong oleh Komunis, di ibu kota Indonesia dan umumnya di Pulau Jawa, telah dirampas oleh buruh yang bergabung di bawah subsi (buruh Komunis) sehingga orang bertanya : siapa yang berkuasa di Indonesia – kerajaankah atau partikah? Keadaan semakin merebak dan akhirnya perhubungan Pulau Jawa dengan daerah-daerahnya putus apabila percubaan merampas hak-hak Belanda itu melarat kepada kapal-terbang dan kapal-kapal-K.F.M. Berkuasa Sukarno dengan komplotnya itu tetapi apakah akibatnya kepada ekonomi Indonesia? Apakah yang didapat oleh umat Indonesia terutamanya yang hidup di pulau-pulau yang makanannya bergantung kepada daerah luar? Bagaimanakah keadaan makanan di Pulau Jawa yang 50 peratus masih bergantung kepada daerah luar?

(**oleh Wakil Kita**)

Inilah suatu perkara yang telah diperingatkan oleh Jemaah Menteri Muhammad Nasir dalam tahun 1950 dahulu di dalam mana Sukarno berteriak "Irian Barat mesti masuk kuliah Indonesia sebelum terbit fajar 1951". Jemaah Menteri Mashumi menperingatkan bahawa jika sekiranya dilakukan pemboikotan maka akibatnya penanggungan rakyat jelata semakin buruk – di mana-mana tempat akan terbit kelaparan kerana pengangkutan-pengangkutan di Indonesia adalah terletak dalam tangan K.F.M. – apa yang terjadi sekarang?

Dengan perbuatan Sukarno, umat di Jawa sekarang telah menjerit meminta bantuan beras kepada Aceh dan Sulawesi yang dahulunya sebagai daerah yang dipandangnya musuh yang hal-ehwalnya tidak berapa diendahkan! Daerah Aceh sendiri, kerana dibiarkan makanan mereka sendiri tidak mencukupi bagi mereka. Jadi harapan untuk mendapatkan beras dari Aceh sangat tipis bahkan yang sangat menyulitkan benar ialah pengangkutan kerana kapal-kapal-K.F.M semuanya tidak belayar lagi, yang mana-mana terletak di luar negeri semuanya berhenti.

Sesudah keadaan begitu buruk, iaini sesudah keadaan di Indonesia (di Jawa) Komunis bermaharaja lela mengambil milik-milik Belanda dengan leluasa sedang pemerintah mendiamkan sahaja dan kemudian, setelah melihat keburukan itu membawa akibat yang sangat-sangat merbahaya kepada keselamatan bangsa Indonesia sendiri (di Jawa), baharulah pihak tentera mengadakan kawalan – merebut kekuasaan daripada parti yang berleluasa itu lalu menguasai perusahaan-perusahaan Belanda dengan alasan darurat. Namun yang demikian itu tidaklah memberi sesuatu kesan atau faedah kerana perbuatan terlanjur itu tak dapat dipertahankan lagi akibatnya membawa kepada keadaan yang sangat buruk!

Apakah pemimpin-pemimpin di Indonesia diam dalam hal-ini? Tentunya mereka memandang bahaya yang dilangkahkan oleh Sukarno

yang masih "cinta dan sayang" kepada Komunis. Kecintaan itu terbukti apabila ditubuhkan Jemaah Menteri Presiden maka ia mahu Komunis sama di dalamnya pada hal-pemimpin-pemimpin lain, seperti Hatta menolak.

Sudah terjadi hal-ini, maka berlakulah pelemparan bom tangan yang hampir-hampir membinasakan jiwa Sukarno. Kemudian riwayat ini bersambung pula dengan berita-berita "kerana kesihatannya" Sukarno akan berangkat keluar negeri pada 5 Januari 1958.

Tetapi orang ramai bertanya-tanya : mengapakah ketika Sukarno hendak berjumpa wartawan-wartawan tatkala tiba bersama-sama dengan Roslan Abdul Ghani diiringi oleh tentera-tentera tidak oleh ajudannya? Daripada kadaan ini dapatlah dijangka bahawa di dalam masa keadaan darurat yang besar ini **Sukarno dikehendaki duduk di luar negeri** – ringkasnya disingkir dari masyarakat. Keterangan dalam hal-ini lebih jelas lagi apabila Parti Kebangsaan (P.N.I) mengambil pula keputusan bahawa mereka masih percaya kepada Sukarno.

Terbit daripada ini semuanya maka orang bertanya-tanya: Adakah Sukarno dibuang negeri? Jawapan atas ini akan dapat dilihat kelak buktinya dalam sedikit masa lagi. Adakah sesudah pemergian Sukarno itu, pemimpin-pemimpin yang cintakan persatuan bangsa seperti Hatta, Nasir, Syahrir, Hamengkubuwono akan memegang tampuk pemerintahan? – Ini akan dapat dilihat sesudah Sukarno keluar.

Kalau Hatta masih berpegang kepada pendiriannya maka Hatta itulah sahaja orangnya yang akan dapat menyelamatkan Indonesia. Sekiranya langkahan ini lambat diselenggarakan maka di dalam masa tidak lama lagi di sana sini akan terbit rusuhan-rusuhan dan perlawanan-perlawanan yang hebat, terutamanya di daerah-daerah di luar Jawa kerana bahaya kelaparan sedang dihadapi mereka.

Langkah daerah-daerah mengawal-perusahaan-perusahaan Belanda daripada dikacau oleh Komunis adalah suatu perkara yang bijak bahkan jika sekiranya pusat hancur maka akan ada kemungkinan timbul kerajaan-kerajaan bersendiri di daerah Indonesia untuk mengawal-keselamtan mereka iaitu kerajaan sementara, Borneo dan Sulawesi.

Kemungkinan ini, lebih benar kerana sesudah mereka merebut kekuasaan-kekuasaan di daerah-daerah itu keadaannya lebih baik, jalan-jalan diatur dengan sempurna dan tersusun dengan baik, lebih sempurna daripada masa ditangan kekuasaan Pusat. Apabila terjadi yang demikian maka ertinya negara Indonesia hancur. Siapa yang menghancurkannya tidak lain dan tidak bukan Sukarno sendiri yang menjalankan suatu cara pemerintahan memecah-memecah untuk mempertahankan kedudukannya sehingga timbul di sebahagian pihak keagungan "Jawa lebih daripda orang lain" bahkan di Jawa sudah timbul perasaan "anti- Sumatera". Dengan ini siapa yang dapat mengatakan Sukarno tidak pemecah kesatuan umat Indonesia?

Jika Hatta hendak menjadi orang pemecah Indonesia maka di dalam keadaan yang akhir ini, sesudah ia meletakkan jawatannya sebagai wakil Presiden, akan menerima tawaran untuk menegakkan negara Sumatera yang terpisah dari Jawa. Hatta menolak ini kerana berlawanan dengan dasar cita-citanya sekalipun ia mengetahui hasil mahsul Indonesia seluruhnya 70 peratus bergantung kepada daerah itu.

Adakah akan terjadi pemberontakkan kerana lapar di Indonesia? Ini harus, dan akan dapat dilihat di dalam masa yang tidak lama lagi kalau tidak sebuah kerajaan baharu timbul di Indonesia.